

(Versi Bahasa Malaysia sahaja)

ISU-ISU DI MANA MTEM MEMERLUKAN PENJELASAN

1. ***Jika MITI benar telus mengatakan hasrat mengadakan kerangka perundingan yang menyeluruh; YB Dato' Sri Menteri harus dapat memberi jaminan bahawa perundingan tidak akan ditandatangani selagi persoalan-persoalan dan kebimbangan utama dalam perjanjian ini dapat dijawab dan setelah satu laporan kesan ekonomi dan sosial TPP kepada negara dibentangkan dan diperhalusi rakyat.***

Penjelasan:

- **TPP masih berada diperingkat rundingan diantara 11 negara dan setiap Negara berhak untuk memastikan kepentingan masing-masing dipelihara. Keputusan yang dibuat dalam rundingan adalah melalui persetujuan bersama (consensus) oleh kesemua 11 ahli TPP tanpa dipengaruhi oleh mana-mana ahli.**
- **Kerajaan tidak akan menandatangani mana-mana Perjanjian Perdagangan Bebas sekiranya didapati ianya tidak akan memberi faedah kepada Negara.**
- **Kerajaan akan memastikan kepentingan negara semasa rundingan TPP ini terpelihara termasuk isu-isu berkaitan Bumiputra melalui konsultasi yang berterusan dengan pihak-pihak yang berkepentingan.**
- **Kerajaan telah mendapatkan khidmat United Nations Development Programme (UNDP) untuk melaksanakan kajian yang komprehensif mengenai impak kepada Negara daripada penglibatan di dalam TPP. UNDP telah juga mengemukakan syor untuk membantu perunding-perunding merangka strategi rundingan. Sungguhpun demikian, analisis juga dibuat dari semasa ke semasa apabila menerima cadangan-cadangan baru dari ahli TPP yang lain.**
- **Semasa proses rundingan dijalankan, Malaysia juga mengadakan konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan dalam negara. Semua isu-isu penting juga dibawa kepada Jemaah Menteri dari semasa ke semasa untuk pertimbangan.**

2. **MTEM meminta jaminan YB Dato' Sri Menteri bahawa kedaulatan perundangan negara ini akan terus terpelihara dan ruang polisi tidak dikuasai oleh kuasa asing. Jaminan ini merangkumi tidak ada bahagian dalam perlembagaan, akta atau polisi negara ini yang terpaksa diubah semata-mata untuk memenuhi tuntutan "regulatory coherence" dalam TPP.**

Penjelasan:

- TPP merupakan satu rundingan di antara kerajaan negara-negara yang terlibat, dan tiada satu pun kerajaan yang mahu kehilangan kedaulatan undang-undang negara mereka. Setiap keputusan yang dibuat di dalam rundingan TPP adalah melalui konsensus oleh semua 11 ahli TPP, dan jika sesuatu komitmen yang dicadangkan tidak boleh dilaksanakan, maka perkara ini tidak boleh dipersetujui.
- Kerajaan Malaysia tidak akan bersetuju atau menandatangani apa-apa jenis perjanjian atau komitmen yang bertentangan dengan Perlembagaan Negara, atau pun membuat komitmen yang tidak akan dapat dilaksanakan kelak, atau ruang polisi dikuasai oleh kuasa asing.
- Objektif utama bab "*regulatory coherence*" adalah untuk memperkenalkan amalan peraturan baik (*Good Regulatory Practices* - GRP) dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan, merangka peraturan-peraturan baru dan menilai semula peraturan-peraturan sedia ada.
- Amalan peraturan baik (*Best Practices*) dalam GRP melibatkan analisa yang menyeluruh, sistematik dan berstruktur yang memberikan peluang mengadakan konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan, dan orang awam. Pelaksanaan GRP di Malaysia akan dilancarkan pada Julai 2013 oleh Kerajaan dan pada ketika ini empat kementerian dan agensi telah dikenalpasti terlibat di dalam projek perintis (*pilot*). Agensi ini adalah MITI, FAMA, SPAN dan KDN.
- Bagi MITI, projek perintis ini sedang dilaksanakan untuk menilai semula *Strategic Trade Act* 2010 dimana usaha penambahbaikan pelaksanaan Akta ini akan mengguna pakai kaedah *Cost Benefit Analysis* secara menyeluruh, berstruktur serta mendapat input

daripada orang ramai. Projek ini mengambil masa 9 bulan dan dijangka siap pada Januari 2014.

- Amalan terbaik dalam GRP haruslah dilihat sebagai salah satu usaha negara ke arah meningkatkan “good governance” dan ketelusan oleh kerajaan.
 - Dalam persekitaran global yang dinamik, maklumat dan kepakaran boleh diperolehi daripada pelbagai sumber, termasuk sektor perniagaan, pengguna dan NGO. Komitmen dan obligasi di dalam bab regulatory coherence akan memastikan proses merangka peraturan (*regulatory development process*) adalah telus dan berpandukan maklumbalas yang diterima daripada semua pihak, sesuai dengan senario pembangunan ekonomi negara pada masa kini.
3. *MTEM meminta jaminan YB Dato’ Sri Menteri bahawa tidak akan ada peruntukan yang menimbulkan risiko negara Malaysia dibawa ke mahkamah/tribunal antarabangsa (ISDS) melangkaui proses dan kedaulatan perundangan negara ini. Kes-kes sepertimana berlaku dalam FTA sebelum ini sepertimana berlaku di German, Canada, Mexico, Ecuador, Peru dan Afrika Selatan tidak berlaku di Malaysia.*
4. *Apakah Jaminan YB Dato’ Sri Menteri; bahawa negara tidak akan disaman melalui (ISDS) jika syarikat asing kehilangan keuntungan disebabkan peraturan dan polisi yang ada di negara ini. Dan apakah jaminan bahawa syarikat asing yang gagal mendapat tender dari perolehan kerajaan atau jika syarikat tempatan diutamakan yang boleh membawa negara ke ISDS.*

Penjelasan bagi Q3 dan Q4:

- Bab Pelaburan dalam TPP tidak menghadkan hak Kerajaan untuk mengawal-selia atau mengambil langkah-langkah yang perlu bagi melindungi kedaulatan negara. Tiada peruntukan dalam Bab Pelaburan TPP, termasuk peruntukan ISDS yang boleh menghalang Kerajaan daripada menggunakan, mengekalkan atau menguatkuasakan langkah-langkah / dasar-dasar domestik untuk melindungi kepentingan Negara.

- **Semenjak tahun 1959, Malaysia telah pun menandatangani 74 perjanjian perlindungan pelaburan yang mengandungi peruntukan dalam aspek yang sama seperti ISDS. Perjanjian Perlindungan Pelabur pertama yang ditandatangani Malaysia ialah dengan AS pada tahun 1959. Dengan adanya perjanjian perlindungan pelaburan ini, Malaysia telah dapat menarik masuk lebih banyak pelaburan asing untuk melabur di dalam negara. Sehingga kini, hanya dua kes diambil terhadap Malaysia di bawah ISDS. Kes-kes tersebut adalah:**
 - i) MHS Salvors**
 - ii) Phillip Gruislin**

- **Peruntukan ISDS bukan hanya memberi manfaat kepada syarikat asing, ia juga memberi manfaat kepada syarikat-syarikat Malaysia dari segi memberi perlindungan keatas pelaburan mereka di luar negara. Sehingga kini, dua syarikat Malaysia yang melabur di luar negara telah menggunakan ISDS untuk melindungi haknya di luar negara. Dua kes yang telah diambil oleh syarikat Malaysia terhadap kerajaan luar negara adalah:**
 - i) Sykt MTD terhadap Chile**
 - ii) Telecom terhadap Ghana**

- **Beberapa syarikat Malaysia telah melabur di luar Negara. Syarikat-syarikat seperti TMNet, Petronas, YTL, CIMB, Maybank, Sime Darby, Khazanah Nasional dan lain-lain, menikmati perlindungan dibawah Perjanjian Perlindungan Pelaburan yang sedia ada.**

- **Sebelum ISDS boleh dilaksanakan, pihak yang berkepentingan perlu melalui beberapa proses sebelum sesuatu tuntutan boleh dibawa ke tribunal antarabangsa. Oleh yang demikian ISDS tidak boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya.**

5. ***MTEM meminta jaminan YB Dato' Sri Menteri bahawa kepentingan syarikat-syarikat tempatan didahulukan berbanding syarikat asing dan segala polisi dan usaha untuk membantu meningkatkan keupayaan, keberlangsungan dan perkembangan syarikat-syarikat tempatan tidak dilihat sebagai halangan perdagangan sama ada SME, syarikat berskala besar mahupun GLC.***

Penjelasan:

- Adalah menjadi keutamaan untuk melindungi syarikat-syarikat tempatan supaya terus terpelihara di bawah Bab Pelaburan dalam TPP. TPP memberikan fleksibiliti untuk memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat tempatan di sektor-sektor yang telah dikenalpasti.
 - Bab pelaburan akan dapat mewujudkan suasana pelaburan yang telus dan *predictable*. Ia juga tidak akan menghadkan hak Kerajaan untuk mengawal selia atau mengadakan langkah-langkah keselamatan untuk melindungi Negara.
 - Komitmen Malaysia dalam Bab Pelaburan adalah selaras dengan objektif Kerajaan untuk membangunkan sektor-sektor strategik serta memastikan syarikat-syarikat tempatan kecil dan sederhana (SME), syarikat Malaysia berskala besar terutama GLC dapat berkembang maju.
6. ***Produk-produk Perdagangan. Berdasarkan USFTA lalu; US meminta Malaysia untuk menghapuskan semua tarif untuk semua produk kecuali 1. MTEM meminta penjelasan berkenaan penghapusan tarif ini,***
- ***Apakah 1 produk dikecualikan dan masa transisi yang diberikan?***
 - ***Apakah jaminan YB Dato' Sri Menteri terhadap industri tempatan yang terpaksa berhadapan dengan penurunan tarif produk-produk asing ini (tembakau, kereta, alcohol dll).***
 - ***Berdasarkan dokumen WTO (2007) (wt/tpr/s/225/Rev 1); pendapatan Malaysia dari duti eksport adalah RM2.296 billion. Apakah Malaysia bersedia kehilangan pendapatan yang jelas berbanding projeksi pelaburan dan keuntungan perdagangan yang tidak terbukti dalam mana-mana perjanjian perdagangan sebelum ini.***

Penjelasan:

- Semasa merundingkan Perjanjian Perdagangan Bebas di antara Malaysia dan Amerika Syarikat (MUSFTA) semua produk dibincangkan. Pada masa itu, tidak ada sebarang persetujuan dibuat mengenai produk yang dikecualikan atau masa peralihan. MUSFTA telahpun dihentikan rundingan pada tahun 2008.
- Dalam TPP, di antara perkara yang sedang dirundingkan ialah untuk mengurangkan dan menghapuskan sekatan perdagangan. Dengan itu, peluang pasaran bagi produk keluaran Malaysia akan menjadi lebih meluas. Akses kepada pasaran besar akan meningkat di mana pada masa ini ianya tidak dapat dicapai secara optimum disebabkan oleh sekatan tarif dan bukan tarif. Contohnya tarif ke atas tekstil dan pakaian masih tinggi sehingga 30%. Penghapusan atau pengurangan tarif akan membuka peluang pasaran yang lebih besar bagi produk-produk ini. Produk-produk Malaysia yang lain yang dijangka akan mendapat manfaat adalah lemak sawit, marjerin, oleokimia berasaskan sawit, perabut kayu tropika, papan lapis, sarung tangan getah serta koko.
- Dari segi tawaran tarif, semua pihak sedang merunding untuk menurunkan tarif secara komprehensif bagi semua produk. Namun demikian, bagi barangan yang sensitif, Malaysia akan merunding untuk memastikan kedudukan produk-produk tersebut adalah terpelihara. Semasa menjalankan rundingan penawaran tarif, perunding Malaysia bertindak dengan amat berhati-hati dan mengadakan konsultasi dengan pihak industri dan agensi kerajaan lain bagi memastikan kelonggaran secukupnya diperolehi.
- Pada tahun 2012, pendapatan dari duti import adalah sebanyak RM 2.283 bilion. Pendapatan duti import sebenarnya semakin berkurangan berikutan penurunan cukai di bawah WTO dan lain-lain perjanjian FTA termasuk ASEAN FTA. Pada masa ini, tiada duti import dikenakan bagi 70% barisan tarif Malaysia. Duti eksport yang dikenakan di Malaysia bukanlah bertujuan untuk memperolehi pendapatan. Tujuan utama duti eksport adalah untuk mengawal eksport bagi menjamin bekalan mentah yang mencukupi untuk industri tempatan.

- Dasar Kerajaan pada masa ini adalah untuk tidak bergantung kepada duti import semata-mata bagi sumber pendapatan. Langkah mengurangkan duti import dapat membantu perkembangan industri tempatan memandangkan bahan mentah yang diperlukan bagi membuat barangan siap adalah lebih murah dan barangan siap ini dapat dieksport secara lebih meluas.
- Pengurangan pendapatan hasil dari kutipan duti import di bawah perjanjian perdagangan bebas dengan negara-negara TPP dijangka tidak memberi impak besar dan tidak membawa kesan ketara kepada pendapatan negara. Malaysia telahpun menandatangani FTA dengan 7 buah negara TPP iaitu Australia, Brunei, Chile, Jepun, New Zealand, Singapura dan Vietnam.

7. *Apakah rasional kerajaan Malaysia bersetuju untuk senarai negatif TPP? Apakah senarai sektor dan bagaimanakah kaedah kerajaan Malaysia mempertahankan kepentingan perkhidmatan, perniagaan, perdagangan, dan sebagainya dari SME dan syarikat Bumiputera dari persaingan syarikat asing? MTEM meminta jaminan YB Dato' Sri Menteri adakah industri dan sektor baru dilindungi dan mampu berkembang melalui sistem senarai negative (negative list) ini?*

Penjelasan:

- Senarai negatif adalah senarai yang mengandungi sektor-sektor yang dikecualikan daripada komitmen. Setiap ahli TPP akan menyediakan senarai negatifnya sendiri berdasarkan *policy space* yang diperlukan oleh ahli TPP berkenaan.
- Kaedah senarai negatif diguna untuk menyenaraikan sektor atau langkah yang tidak dapat mematuhi prinsip-prinsip seperti 'national treatment', Most Favoured Nation (MFN) atau prinsip lain mengenai penggunaan bahan tempatan.
- Bagi sektor dimana Malaysia masih memerlukan 'policy space' untuk mengenakan syarat pegangan ekuiti tempatan, sektor tersebut atau langkah yang berkaitan akan disenaraikan dalam 'negative list'.
- Kaedah senarai negatif TPP ini bertujuan untuk ketelusan serta memaklumkan bahawa syarat-syarat yang dikenakan keatas pelabur atau penyedia perkhidmatan asing adalah berbeza dengan pelabur atau penyedia perkhidmatan tempatan.

- Melalui kaedah ini, syarat-syarat atau layanan yang berbeza dapat dikekalkan bagi pembangunan sektor perkhidmatan tempatan pada masa hadapan. Kaedah ini juga dapat menjamin kepentingan negara dapat dilindungi kerana pengecualian dibenarkan bagi sektor-sektor strategik dan dasar berkaitan dengan Bumiputra.
- Sektor-sektor di dalam senarai negatif tidak diberi definisi spesifik. Ini akan memberi fleksibiliti untuk melindungi sektor-sektor perkhidmatan yang baru yang wujud pada masa hadapan. Sektor-sektor yang penting juga masih boleh dipelihara daripada dibuka untuk persaingan.

8. *Apakah perolehan kerajaan akan dibuka dalam semua sektor (binaan dan bukan binaan). Apakah “threshold” MITI untuk perolehan Kerajaan? Apakah jaminan YB Dato’ Sri Menteri terhadap majority SME bumiputera yang masih bergantung kepada perolehan kerajaan? Apakah kerajaan telah menjalankan secukupnya inisiatif dan sokongan untuk transisi kebergantungan syarikat tempatan dari Kerajaan kepada pasaran terbuka?*

Penjelasan:

- Elemen dalam Bab Perolehan Kerajaan terdiri daripada dua iaitu teks perjanjian dan akses pasaran. Akses pasaran meliputi bekalan, perkhidmatan dan kerja pembinaan. Tawaran yang dikemukakan oleh rakan runding TPP adalah berdasarkan kepada nilai di bawah WTO Government Procurement Agreement iaitu USD203 ribu (RM609 ribu) bagi barangan dan perkhidmatan dan USD7.8 juta (RM23.4 juta) bagi pembinaan. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah negara sedang membangun, Malaysia layak diberi pertimbangan untuk had nilai perolehan yang lebih tinggi. Tawaran awal had nilai Malaysia adalah jauh lebih tinggi daripada had nilai WTO.
- Kerajaan juga mengambil pendekatan untuk mengecualikan pasaran perolehan Kerajaan yang dikhaskan kepada SME tempatan daripada dibuka untuk ditawarkan kepada SME rakan runding TPP.
- Dasar perolehan Kerajaan digubal seiring dengan dasar pembangunan negara yang memberi keutamaan kepada barang buatan tempatan dan syarikat/kontraktor tempatan. Kerajaan juga

telah banyak memberi kemudahan-kemudahan tertentu kepada syarikat/kontraktor bagi membantu mereka mengambil bahagian dalam perolehan Kerajaan. Antara kemudahan yang diwujudkan dalam perolehan Kerajaan adalah Kontrak Pusat, Kontrak Panel dan lain-lain instrumen kemudahan kewangan (contohnya wang pendahuluan, jaminan insurans dan skim pemfaktoran). Sokongan Kerajaan kepada syarikat/kontraktor tempatan melalui peluang dalam pasaran perolehan Kerajaan adalah bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dan daya saing syarikat/kontraktor tempatan.

- Walaupun Kerajaan bersetuju untuk merundingkan Bab Perolehan Kerajaan dalam perjanjian Bebas antarabangsa, Kerajaan telah membuat keputusan bahawa kepentingan syarikat/kontraktor tempatan akan dipelihara. Selaras dengan itu, inisiatif melalui kaedah pengecualian khusus/set-asides/carve-outs daripada obligasi Bab Perolehan Kerajaan telahpun digunakan oleh Pasukan Perunding Kerajaan.
- Bab ini juga dapat membuka peluang untuk syarikat tempatan untuk terlibat dalam proses perolehan kerajaan di Negara rakan TPP.

9. *Apakah cadangan-cadangan kerajaan Australia dan Amerika berkenaan Syarikat berkepentingan kerajaan (GLE/SOE) dalam Bab Persaingan? Adakah perolehan dan pembelian produk oleh SOE dibuka dalam Bab Perolehan atau SOE dan apakah takat minima untuk untuk pembukaan kontrak ini? Apakah jaminan YB Dato' Sri Menteri bahawa syarikat berkepentingan kerajaan (TM, Khazanah, Petronas dll) untuk meneruskan atau mendahulukan peranan sosial dan pembangunan Negara?*

Penjelasan:

- Secara amnya, ahli-ahli TPP mempunyai pemahaman bahawa syarikat-syarikat berkaitan pembekalan *public social goods/services* adalah dikecualikan daripada disiplin-disiplin SOE. Oleh itu, syarikat berkepentingan kerajaan seperti TM, Khazanah, Petronas tidak mempunyai halangan untuk meneruskan atau mendahulukan peranan sosial dan pembangunan Negara. Ini bermakna operasi sedia ada mereka tidak terganggu.

- Fokus utama mengenai disiplin-disiplin SOE adalah terhadap aktiviti komersial yang dijalankan oleh SOE dan bukan keatas entiti itu sendiri. Dalam pada itu, terdapat ruang untuk pengecualian daripada komitmen bagi aktiviti pembangunan dan sosial, public goods and services serta aktiviti ekonomi strategik (oil and gas) yang dijalankan oleh SOE tersebut.
- Malaysia mengambil pendekatan bahawa perlunya persaingan sihat di antara semua syarikat dalam pasaran. Malaysia masih merunding dengan anggota TPP yang lain mengenai perkara berkaitan dengan *level playing field*. Kerajaan akan terus mengadakan sesi konsultasi dengan pihak berkepentingan mengenai perkara ini.

10. *Apakah jaminan YB Dato' Sri Menteri berkenaan hak-hak diperingkat negeri termasuk dalam perolehan dan GLC?*

Penjelasan:

- Malaysia telah mengambil pendirian bahawa komitmen dalam Bab Perolehan hanya akan dihadkan kepada entiti-entiti di peringkat persekutuan dan tidak melibatkan entiti-entiti diperingkat negeri.

11. *Apakah jaminan YB Dato' Sri Menteri bahawa harga barangan dan kos sara hidup masyarakat tidak akan meningkat-contohnya ubat-ubatan, insuran kesihatan dan rawatan hospital, beras dan gula, penyelidikan dan pembangunan, pendidikan dll?*

Penjelasan:

- Pelbagai faktor boleh menyumbang kepada kos sara hidup masyarakat. Liberalisasi, secara amnya, akan mengurangkan harga barangan, dan sekaligus mengurangkan kos sara hidup masyarakat. Tambahan pula, Malaysia melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi (KPDNKK) masih melaksanakan kawalan harga keatas barang-barang keperluan asas termasuk beras dan gula. Bagi produk-produk pertanian pula, barangan keperluan utama seperti ayam

dan susu adalah dilindungi melalui mekanisme Tariff Rate Quota (TRQ).

- Beras adalah barangan kawalan dimana harga adalah dikawal Kerajaan. Pada masa yang sama, hanya BERNAS dibenarkan mengimport beras.

12. *Apakah jaminan YB Dato' Sri Menteri bahawa polisi, produk dan inisiatif kerajaan termasuk ETP, produk 1Malaysia, agensi sokongan usahawan dan bumiputera, program offset, pemindahan teknologi tidak dilihat sebagai halangan perdagangan sepertimana pelbagai perkara telah tersenarai sebagai halangan perdagangan yang terkandung dalam Laporan Halangan Perdagangan USTR 2013?*

Penjelasan:

- Kerajaan sedang mengambil pendirian bahawa kebanyakan perkara yang disebutkan bukannya merupakan halangan perdagangan. Bagi perkara-perkara yang menjadi halangan perdagangan seperti duti import yang tinggi, Malaysia sedang menawarkannya untuk mengurangkannya dalam jangka masa yang lebih panjang. Bagi program-program pembangunan dan sosial, Malaysia akan merundingkan kelonggaran/fleksibiliti atau pengecualian dari komitmen di dalam TPP bagi membolehkan Malaysia meneruskan program-program berkaitan agenda pembangunan Negara.
- Contohnya, di dalam Bab Perolehan, Malaysia telah mengambil pendirian bahawa BOT tidak akan dimasukkan di dalam senarai penawaran Malaysia.
- Malaysia adalah sebuah Negara perdagangan yang terbuka. Prosidur serta undang-undang yang diguna pakai adalah telus. Mengikut trend laporan USTR Trade Estimates, halangan perdagangan yang dilaporkan terhadap Malaysia semakin berkurangan. Ini berikutan kejayaan program transformasi Negara untuk memperbaiki lagi suasana perniagaan dan pelaburan.

13. *Apakah jaminan YB Dato' Sri Menteri bahawa budaya, praktis agama, dan syariah tidak disentuh oleh TPP memandangkan Halal telah dikategorikan sebagai halangan perdagangan sepertimana Laporan Perdagangan USTR 2013? Ini termasuk kebebasan terhadap bahan lucah dan pornografi, penjualan alcohol dan sebagainya.*

Penjelasan:

- TPP juga mempunyai pengecualian am bagi isu-isu seperti agama, kesihatan, moral dan sosial seperti mana yang diamalkan di bawah WTO.
- Malaysia akan memastikan produk serta proses pensijilan halal adalah terpelihara.

14. *Apakah jaminan YB Dato' Sri Menteri berkenaan sektor guna tenaga di mana syarat dan layanan keutamaan tidak boleh diberikan kepada pekerja tempatan dan peraturan dan permintaan membangunkan kapasiti dan kemahiran atau pengambilan atau perletakan guna tenaga tempatan sebagai halangan perdagangan?*

Penjelasan:

- Perjanjian ini tidak menghalang usaha majikan untuk memberi keutamaan kepada pekerja tempatan dalam pekerjaan. Kerajaan sejak dahulu telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan majikan mengutamakan pengambilan pekerja tempatan. Perkara ini akan diteruskan lagi walaupun Perjanjian ini berkuatkuasa. Selain itu, Perjanjian ini juga menggalakkan setiap negara anggota untuk membangunkan kapasiti pasaran buruh masing-masing, di mana terdapat ruang untuk negara-negara anggota bekerjasama dari segi pembangunan kapasiti sumber manusia.
- Perjanjian ini bertujuan untuk melindungi hak-hak pekerja berasaskan prinsip dan konvensyen antarabangsa ILO. Sebagai contoh, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memastikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan sentiasa dipatuhi oleh majikan bagi membolehkan pekerja menjalankan kerja dalam suasana yang selamat dan kondusif. Selain itu, Kerajaan juga bertanggungjawab untuk memastikan pekerja diberi

upah yang sewajarnya, tiada elemen buruh paksa dan buruh kanak-kanak dalam pekerjaan serta semua pekerja diberi layanan dan hak yang sama rata.

- Perjanjian ini juga tidak akan menghalang Kerajaan untuk memperkenalkan atau menambah baik undang-undang atau dasar berkaitan standard-standard perburuhan negara seperti mengkaji semula kadar gaji minima. Dalam hal ini, Kerajaan akan terus mengekalkan amalan sedia ada dengan mengadakan perbincangan secara terbuka dengan stakeholders seperti persatuan-persatuan majikan, kesatuan-kesatuan sekerja dan dewan-dewan perdagangan dalam usaha untuk memperbaiki standard-standard perburuhan.

15. *Ada kes tertentu yang menyebabkan barangan dari Malaysia dikenakan tarif import yang besar sebagai penalty apabila tidak memenuhi syarat-syarat dalam TPPA. Dalam kes terbaru (Mei 2013) tariff import untuk udang ternak telah dinaikkan sehingga 65% sedangkan industry ini telah menerima geran dan subsidi daripada kerajaan dalam bentuk sokongan NKEA. Apakah perkara yang sama bakal berlaku untuk pelbagai sektor lain?*

Penjelasan:

- WTO membenarkan ahli-ahlinya untuk mengambil langkah-langkah remedi perdagangan bagi menangani isu-isu seperti lambakan atau subsidi yang tidak dibenarkan di bawah perjanjian WTO. Pengenaan duti anti-lambakan atau timbal balas hanya boleh diambil selepas penyiasatan yang menyeluruh dijalankan dan peluang diberikan kepada syarikat-syarikat yang terlibat untuk membuktikan tiada aktiviti lambakan atau penggunaan subsidi yang tidak dibenarkan.
- Malaysia juga menggunakan langkah-langkah yang sama yang dibenarkan di bawah WTO untuk menangani perdagangan tidak adil. Contoh tindakan yang diambil oleh Malaysia ialah mengenakan duti anti-lambakan bagi *steel wire rods*, *newsprint*, *polyethylene terephthalate* dan *biaxially oriented polypropylene films*.
- Kes mengenai udang ternak yang dinyatakan di atas, diambil di bawah undang-undang *Anti-dumping dan Countervailing Duties*

Amerika Syarikat dan dibenarkan di bawah perjanjian WTO. Dalam kes ini, industri udang ternak Amerika Syarikat telah mendakwa bahawa eksport syarikat-syarikat dari Malaysia dan beberapa negara lain menggunakan subsidi yang tidak dibenarkan dan menjual pada harga yang lebih murah di pasaran Amerika Syarikat.

- Dalam kes ini, MITI dan Kementerian Pertanian telah memberi nasihat kepada syarikat-syarikat berkenaan untuk mematuhi prosidur penyiasatan yang telah ditetapkan di bawah WTO. Syarikat-syarikat yang didakwa dikehendaki mengemukakan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh pihak penyiasat Amerika Syarikat melalui soal-selidik yang disediakan.
- Walaubagaimanapun, bukan semua syarikat telah memberi kerjasama dalam penyiasatan tersebut. Bagi syarikat-syarikat yang tidak bekerjasama dalam penyiasatan dan gagal memberi maklumat yang diperlukan, duti timbal balas telah dikenakan sebanyak 62.74%, manakala bagi satu syarikat yang telah bekerjasama di dalam penyiasatan, duti yang dikenakan adalah lebih rendah iaitu 10.80%. Namun begitu, duti yang dikenakan hanyalah penentuan awal yang dibuat oleh pihak penyiasat Amerika Syarikat. Langkah seterusnya adalah lawatan tentusah (*verification visit*) oleh pihak penyiasat Amerika Syarikat ke atas syarikat-syarikat yang bekerjasama serta perbincangan dengan Kerajaan Malaysia bagi mengesahkan subsidi yang diberikan adalah berlandaskan perjanjian WTO.

16. *Ada dakwaan terdapat kandungan perjanjian TPPA yang membolehkan syarikat-syarikat Amerika mendakwa syarikat-syarikat tempatan menggunakan peruntukan undang-undang Amerika, dan bukannya mengikut undang-undang Malaysia.*

Penjelasan:

- Dakwaan tersebut adalah tidak benar. Rundingan TPPA tidak mengandungi peruntukan seperti tersebut di atas.